

Headline	Tiga langkah kekang kenaikan harga rumah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	131 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,516
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,547



Tiga langkah kekang kenaikan harga rumah

Meningkatkan penawaran rumah dalam pasaran, mengekang spekulasi hartanah dan kemudahan pembiayaan, adalah antara tiga langkah diambil kerajaan bagi mengawal kenaikan harga rumah.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata strategi penawaran rumah yang memberi banyak pilihan kepada pembeli dilaksanakan melalui program pembinaan satu juta rumah mampu milik.

"Ia dilaksanakan agensi kerajaan seperti Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), kerajaan negeri serta pemaju swasta. Ini secara tidak langsung memberi tekanan kepada pemaju untuk membina rumah mampu milik," katanya.

Dalam jawapan bertulis kepada Lim Lip Eng (DAP-Segambut), beliau berkata, antara langkah bagi mengekang spekulasi pula ialah menaikkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan harga jualan minimum hartanah dibeli warga asing kepada RM1 juta serta mempamerkan ketelusan harga jualan terperinci kepada pembeli.

Langkah ketiga pula, katanya, ialah memberikan pembiayaan perumahan melalui Skim Rumah Pertamaku, Skim MyHome dan Skim Perumahan Belia.

Headline	Tiga langkah keang kenaikan harga rumah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	131 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,516
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,547



Abdul Rahman Dahlan